

TERHAD



JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA

PERINTAH TETAP KETUA PENGARAH BILANGAN 2 TAHUN 2022

PENENTUAN KEPERLUAN PEPASANGAN KESELAMATAN KEBAKARAN (PKK) DI PREMIS DOBI LAYAN DIRI MENGGUNAKAN LPG

LATAR BELAKANG

1. Dobi Layan Diri, juga disebut *Coin Laundry / Self Service Laundry* yang telah berkembang dengan pesat di seluruh negara dan menarik minat usahawan - usahawan untuk menceburi bidang ini. Pelanggan hanya perlu menggunakan token atau duit syiling untuk mengoperasikan mesin basuh atau mesin pengering. Dobi layan diri ini beroperasi selama 24 jam.
2. Terdapat dua (2) jenis premis dobi layan diri iaitu jenis perniagaan sendiri ataupun francais. Pada masa kini, dobi layan diri ini ditempatkan di rumah kedai, di pangaspuri dan di asrama institusi pendidikan.
3. Namun begitu, aspek keselamatan kebakaran melibatkan premis dobi layan diri adalah penting. Dimana terdapat berlaku beberapa insiden letupan kedai dobi telah berlaku iaitu di Jinjang Kuala Lumpur pada 10 April 2018, di Klang Selangor pada 4 Oktober 2018 yang mengorbankan satu nyawa, di Marang Terengganu pada 16 Julai 2019, di Taiping Perak pada 5 Mei 2021 dan di Kampung Alor Gunung, Jalan Gunung Keriang Kedah pada 12 Disember 2021.

TERHAD

4. Risiko kemalangan di premis dobi layan diri di negara ini boleh dikurangkan jika pengusaha atau pemilik mengikut prosedur serta mematuhi garis panduan ditetapkan dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dan Suruhanjaya Tenaga (ST) yang melibatkan pemasangan paip gas.

PUNCA KUASA

5. Penilaian JBPM ke atas keselamatan kebakaran premis dobi layan diri adalah berdasarkan pada peruntukan perundangan, dasar, peraturan dan garis panduan sedia ada dan perubahan semasa ke semasa seperti berikut:-

- a. Akta Bekalan Gas 1993
- b. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172)
- c. Akta Perkhidmatan Bomba 1984 (Akta 341)
- d. Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984.
- e. *Sarawak Building Ordinan* (SBO).
- f. Surat arahan Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 5 Tahun 2013 – Garis Panduan Pemprosesan Sokongan Pelesenan Peniagaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
- g. Malaysia Standard (MS) 930 :*Code of Practice For The Installation of Fuel Gas Piping System and Appliance*.
- h. Malaysia Standard (MS) 830 : 2013 *Storage, Handling and Transportation of Liquified Petroleum Gases*.
- i. NFPA 58: *Liquefied Petroleum Gas Code*
- j. NFPA 54: *National Fuel Gas Code*
- k. NFPA 82: *Standard on Incinerators and Waste and Linen Handling System and Equipment*.
- l. NFPA 32: *Standard for Drycleaning Facilities*.
- m. Peraturan-peraturan Bekalan Gas 1997
- n. *Guidelines on Gas Installations At Launderettes and Premises Using Similar Installation*. Suruhanjaya Tenaga. GP/ST/No.20/2019.

TERHAD

dan; Keputusan yang telah ditetapkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Bil.2 Tahun 2019.

TUJUAN

6. Perintah Tetap ini bertujuan untuk:-
 - a. Mengkaji dan menentukan keperluan PKK di premis yang menjalankan aktiviti perniagaan dobi layan diri.
 - b. Tatacara pemohonan kelulusan sokongan pelesenan JBPM bagi menjalankan aktiviti perniagaan dobi layan diri.
 - c. Mengambil kira arahan dari Peraturan-peraturan Bekalan Gas 1997 dan *Guidelines on Gas Installations At Launderettes and Premises Using Similar Installation*. Suruhanjaya Tenaga. GP/ST/No.20/2019.

TAFSIRAN

"**Bangunan**" termasuk apa-apa rumah, pondok, bangsal atau kepungan beratap, sama ada digunakan bagi kediaman manusia atau selainnya, dan juga apa-apa tembok, pagar, pelantar, pementasan, pintu pagar, tiang, pilar, paling, bingkai, papan dendeng, tempat lancar, limbungan, dermaga, tembok sambut, jeti, pentas mendarat atau jambatan, atau apa-apa binaan, tupang atau asas yang berkaitan dengan yang tersebut di atas;

"**Dobi**" ertiannya tempat perniagaan di mana pakaian dan linen boleh dibasuh menggunakan peralatan elektrik dengan bayaran;

PENENTUAN KEPERLUAN KESELAMATAN KEBAKARAN DOBI LAYAN DIRI

7. Keperluan keselamatan kebakaran bagi premis dobi layan diri hendaklah di kaji secara menyeluruh iaitu Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) atau

TERHAD

Kelengkapan Menentang Kebakaran (KMK) sedia ada hendaklah dipatuhi dan berada dalam keadaan baik.


8. Keperluan PKK

- a. Penyimpanan *Liquid Petroleum Gases* (LPG) di bilik khas dalam bangunan dan luar bangunan (MS 830:2013, klausा 12.2.2.7)
 - i. Tidak dibenarkan berada di aras basement. (MS 830:2013, klausа 12.2.2.3)
 - ii. Dibenarkan di bangunan komersil dan bangunan industri.(selain dari kategori ini, hendaklah diadakan pengasingan risiko berdasarkan (MS 830:2013, klausа 12.2.2.7)
 - iii. Dinding pemetaikan hendaklah dari jenis batu-bata berketahanan api 4 jam atau 230mm *brickwall*.
 - iv. Bukaan pengudaraan di ruangan simpanan LPG didalam bangunan. Hendaklah mengadakan pengudaraan secara kekal dengan bukaan sekurang-kurangnya tiga (3) peratus dari keluasan lantai ruang penyimpanan. Bukaan hendaklah terus dari luar bangunan.
 - v. Kuantiti LPG yang dibenarkan adalah tidak melebihi **12 silinder x 50kg = 600kg**. (*Guidelines on Gas Installations At Launderettes and Premises Using Similar Installation* by Suruhanjaya Tenaga)
 - vi. Premis Dobi Layan Diri yang menggunakan dua (2) perkakas (mesin basuh dan mesin pegering) atau kurang dan menggunakan 'direct use' (domestik pig tail), adalah dibenarkan menggunakan LPG 14kg silinder dengan syarat tidak melebihi dua (2) silinder LPG. (*Guidelines on Gas Installations At Launderettes and Premises Using Similar Installation* by Suruhanjaya Tenaga)
 - vii. Suis pendawaian elektrik yang digunakan hendaklah dari jenis *anti-spark switch* jika ditempatkan di bahagian tempat simpanan LPG dan sistem talian paip gas.

TERHAD


- viii. Pintu bagi ruang penyimpanan LPG hendaklah dibuka terus dari luar bangunan. Pintu api hendaklah dipasang sekiranya terdapat apa-apa aktiviti orang berdekatan dengan ruang penyimpanan.
- ix. Kekemasan Lantai. Ketinggian lantai di kawasan penempatan LPG hendaklah sekurang-kurangnya 100mm dari aras tanah.
- x. Mempunyai pengasingan daripada kediaman.

Gambarajah 1 : Contoh susun atur penempatan LPG dalam bangunan



TERHAD

Gambarajah 2 : Contoh susun atur penempatan LPG di luar bangunan



- b. Keselamatan *Liquid Petroleum Gases (LPG)* - (MS 830:2013, klausua 12.2.2 *Installation*)
- i. Memastikan silider LPG berada dalam kedudukan tegak dan selamat bagi mengelakkan ianya terbalik.
 - ii. Melakukan ujian kebocoran pada semua sambungan gas pada silinder LPG.
 - iii. Periksa silinder LPG sebelum digunakan.
 - iv. Memastikan Injap LPG yang digunakan mestilah mematuhi piawaian MS 830 iaitu menggunakan bahan keluli, besi mulur ataupun tembaga.
 - v. Memastikan adanya *emergency shut-off valves*.
 - vi. Memastikan sistem perpaipan gas mesti berwarna kuning.
 - vii. Memastikan susun atur ruangan keseluruhan bangunan hendaklah kemas, bersih dan bebas dari halangan.

TERHAD

- viii. Menyemak dan mengemukakan salinan-dokumen *Approval To Install (ATI)* dan *Approval To Operate (ATO)* daripada Suruhanjaya Tenaga (ST).
- c. Alat Pengesan Gas
 - i. Hendaklah mengadakan alat pengesan gas di ruangan penyimpanan LPG dan laluan paip gas. Sistem tersebut hendaklah disambungkan dengan panel dan *emergency shut-off valve*.
- d. Mengadakan alat pengesan asap sekurangnya dari jenis *self-contained smoke detector* di dalam premis (jika premis jenis tertutup). Pemasangan itu hendaklah dibuat di tempat strategik dan mempunyai risiko kebakaran seperti di ruangan menunggu, bilik peralatan dan lain-lain. (UUKBS 225)
- e. Alat pemadam api
 - i. Hendaklah dilengkapkan dengan alat pemadam api seperimana MS 1539: *Specification for Portable Fire Extinguisher*.
 - ii. Penempatan alat pemadam ini hendaklah mudah untuk dicapai.

PELAKSANAAN SOKONGAN PELESENAN PREMIS DOBI LAYAN DIRI

9. Semua permohonan bagi bangunan yang menjalankan dobi layan diri hendaklah diproses di peringkat JBPM Ibu Pejabat Negeri dan Zon.
10. Permohonan hendaklah mengikut tatacara pemprosesan seperimana Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 5 Tahun 2013 – Garis Panduan Pemprosesan Sokongan Pelesenan Perniagaan, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.
11. Setiap permohonan hendaklah melalui agensi pengeluarkan lesen yang berkaitan.
12. Setiap permohonan yang dikemukakan kepada JBPM hendaklah disertakan bersama sijil kelulusan pemasangan sistem perpaipan gas daripada Suruhanjaya Tenaga (rujuk perkara 8 b (viii)) dan Permit Sementara Barang Kawalan Berjadual

TERHAD

yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. (rujukan: *Guidelines on Gas Installations at Launderettes and Premises Using Similar Installation*. Suruhanjaya Tenaga)

PENGUATKUASAAN

13. Tindakkan penguatkuasaan hendaklah dilaksanakan sekiranya keperluan keselamatan kebakaran tidak dipatuhi.

TARIKH BERKUATKUASA

14. Perintah Tetap Perintah Tetap Ketua Pengarah Bilangan 2 Tahun 2022 - Penentuan Keperluan Pepasangan Keselamatan Kebakaran (PKK) bagi Premis Dobi Layan Diri adalah berkuatkuasa mulai pada tarikh ianya ditandatangani oleh YAS Ketua Pengarah, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

PENUTUP

15. Ketua Pengarah dengan ini berhak untuk meminda atau membuat sebarang arahan-arahan lain selain daripada arahan-arahan yang terdapat di dalam arahan ini mengikut keperluan dari masa ke semasa.

16. Adalah diharapkan dengan adanya Perintah Tetap ini, segala aktiviti berkaitannya dapat dilaksanakan dengan lebih cekap dan berkesan.



(DATO' SRI TS. MOHAMMAD HAMDAN BIN HJ. WAHID)

Ketua Pengarah

Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia

22 Ogos 2022

TERHAD

Salinan kepada:

- 1) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)
- 2) YAS Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
- 3) Semua YS Pengarah Bahagian
- 4) Semua YS Pengarah Negeri
- 5) Semua YS Komandan ABPM
- 6) Semua Ketua Zon